

TAHAP KESEDARAN KESELAMATAN PEKERJA DALAM INDUSTRI AUTOMOTIF DI MALAYSIA

Mohd Hakimi Md Baharudin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mohdhakimi@kuis.edu.my

Shahida Mansor

Universiti Teknologi Malaysia
shahidamansor88@gmail.com

Muhammad Firdaus Muhammad Sabri

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
firdaussabri@kuis.edu.my

ABSTRAK

Masalah keselamatan perlu diberi perhatian melihat kepada kadar kemalangan pekerja yang meningkat. Kadar kemalangan yang tinggi ini banyak dipengaruhi oleh tahap kesedaran keselamatan yang kurang dalam kalangan pekerja di tempat kerja. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap kesedaran keselamatan dalam kalangan pekerja di bahagian percantuman di salah sebuah kilang pembuatan kereta di Malaysia. Dalam kajian kuantitatif ini, *Safety Awareness Scale* (SAS) telah digunakan sebagai instrumen bagi menilai tahap kesedaran keselamatan pekerja di Kilang X. Seramai 256 orang pekerja dalam kalangan operator Bahagian Percantuman, Kilang X telah dipilih untuk terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran keselamatan dalam kalangan pekerja di Kilang X berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan dapatan kajian, bahagian keselamatan Kilang X dicadangkan untuk menfokuskan latihan keselamatan yang diberikan menjurus kepada spesifikasi kerja pekerja masing-masing supaya kesedaran keselamatan dalam kalangan pekerja lebih menjurus dan spesifik mengikut skop kerja yang sebenar.

Kata Kunci : *Kesedaran Keselamatan, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.*

Pendahuluan

Globalisasi telah membawa perubahan dalam persekitaran operasi dan struktur kerja bagi sesebuah organisasi (Cummings dan Worley, 2008). Selain mengharungi tekanan dan cabaran arus globalisasi, sesebuah organisasi perlu berdepan dengan hal-hal keselamatan di tempat kerja (Tvaryanas dan Thompson, 2008). Aspek keselamatan di tempat kerja turut menjadi penyumbang kepada keuntungan dan produktiviti dalam sesebuah organisasi (Helmi, 2008). Atas kesedaran itulah, kini banyak usaha dan pendekatan yang diambil oleh pihak berwajib mahupun organisasi itu sendiri bagi menjaga aspek keselamatan ini di tempat kerja (Sipos *et al.*, 2003).

Bagi peringkat antarabangsa, Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) telah diwujudkan untuk memberi garis panduan kepada organisasi untuk mematuhi aspek keselamatan di tempat kerja (Neal *et al.*, 2000; Oztas, 2010). Selain itu, ILO juga berperanan

dalam membentuk polisi-polisi keselamatan dan mengawasi piawaian setiap hak pekerja (Yanti, 2005). Tanggungjawab dan keprihatinan pihak kerajaan Malaysia untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja dapat dilihat dengan penguatkuasaan undang-undang seperti termaktubnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 yang diwartakan pada 24 Februari 1994. Penubuhan Akta ini adalah untuk memastikan pihak majikan, peniaga, pengeluar, pereka, pengimport, pembekal, dan pekerja sentiasa mengamalkan budaya kerja yang selamat dan sihat serta sentiasa patuh kepada undang-undang dan panduan yang sedia ada (Ting, 2005). Oleh itu, kepentingan menjaga kesedaran keselamatan pekerja amatlah perlu dititikberatkan oleh setiap majikan.

Objektif Kajian

Mengenal pasti tahap kesedaran keselamatan dalam kalangan pekerja di Kilang X

Kajian Literatur

Kesedaran keselamatan merupakan unsur dalaman setiap manusia yang mempengaruhi tindakan seseorang terhadap aspek keselamatan (Hwang *et al.*, 2000). Menurut Mardziah (2002), kesedaran keselamatan adalah aspek paling penting dalam organisasi untuk memastikan peraturan keselamatan dipatuhi dan mengurangkan kadar kemalangan dalam kalangan pekerja. Oleh itu kesedaran keselamatan mestilah menjadi salah satu perkara asas yang dititikberatkan oleh majikan dan pekerja itu sendiri bagi memelihara aspek keselamatan di tempat kerja (Sipos *et al.*, 2003).

Menurut Garza (2009), kesedaran keselamatan merujuk kepada sifat kepekaan dan disiplin semasa menjalankan kerja atau ketika berada di tempat kerja. Sifat-sifat seperti ini perlulah diterapkan dalam kalangan pekerja bagi memastikan aspek keselamatan di tempat kerja dapat dipatuhi. Abba *et al.*, (2004) menyatakan bahawa kesedaran keselamatan merupakan kriteria utama bagi mengelak daripada berlakunya kemalangan dan kecederaan dalam kalangan pekerja di tempat kerja. Oleh itu, peranan kesedaran keselamatan dalam kalangan pekerja perlulah diberi perhatian bagi memastikan aspek keselamatan terus dipatuhi khususnya di tempat kerja (Gerrard *et al.*, 2000). Kesedaran keselamatan juga boleh dirujuk sebagai keupayaan dalam mengenalpasti tindakan tidak selamat di kawasan bekerja, mempunyai sikap yang betul tentang keselamatan serta mahir dalam menangani situasi kecemasan dengan pantas dan berkesan (Chang dan Liao, 2009).

Berdasarkan instrumen *Safety Awareness Scale* (SAS) yang dibina oleh Ai Shuhara *et al.*, (2011) dengan diadaptasi daripada Durishah *et al.* (2004), terdapat empat dimensi penting yang membentuk kesedaran keselamatan pekerja di tempat kerja. Dimensi-dimensi yang berkaitan adalah struktur pendidikan dan kerjasama terhadap keselamatan, prosedur operasi, perlindungan diri serta pencapaian diri dan sikap. Struktur pendidikan dan kerjasama terhadap keselamatan merupakan salah satu usaha dalam mewujudkan kesedaran keselamatan pada pekerja di tempat kerja (Ai Shuhara *et al.*, 2011). Seterusnya, menurut Zhao *et al.* (2009), perjalanan operasi dalam sesebuah organisasi dapat memberi kefahaman asas yang jelas kepada pekerja dalam mengamalkan aspek keselamatan di tempat kerja. Selain itu, kajian lepas yang

dijalankan oleh Ai Shuhara *et al.* (2003) berpendapat bahawa pekerja-pekerja sepatutnya peka akan keperluan alatan-alatan perlindungan diri yang tersedia mengikut kesesuaian tugas atau kerja yang ingin mereka laksanakan. Seterusnya, pencapaian diri dan sikap pekerja merupakan salah satu dimensi yang perlu diberi perhatian dalam menilai tahap kesedaran keselamatan pekerja di tempat kerja (Zhao *et al.*, 2009).

Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 256 orang pekerja yang bekerja dalam industri automotif di Bahagian Percantuman, Kilang X sebagai responden kajian. Pemilihan responden ini dijalankan dengan menggunakan kaedah pensampelan sistematik. Responden diminta untuk melengkapkan borang soal selidik yang merangkumi dua bahagian utama iaitu maklumat demografi pada bahagian A dan item berkenaan kesedaran keselamatan pada bahagian B. Item kesedaran keselamatan terdiri daripada 28 item berdasarkan skala persetujuan 1 – 4 yang diadaptasi daripada *Safety Awareness Scale* (Ai Shuhara *et al.*, 2011 dan Durishah *et al.*, 2004). Item-item ini telahpun diuji kesahan dan kebolehpercayaannya. Data-data yang dikumpul kemudiannya dianalisis menggunakan SPSS versi 16.0. Bagi mencapai objektif kajian, data-data telah dianalisis untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai supaya dapat menentukan tahap kesedaran keselamatan dalam kalangan pekerja.

Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan tahap bagi setiap dimensi yang terdapat dalam kesedaran keselamatan pekerja di Kilang X. Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran keselamatan responden di Kilang X adalah tinggi (Min=3.27, Sisihan Piawai=0.21). Tahap ini memperlihatkan kesungguhan pihak pengurusan di Kilang X dalam memenuhi tuntutan keselamatan pekerja yang mana berupaya memupuk serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan pekerja terhadap keselamatan di tempat kerja. Tahap kesedaran keselamatan pekerja di Kilang X juga tinggi berdasarkan dimensi struktur pendidikan dan kerjasama terhadap keselamatan (Min=3.23; Sisihan Piawai=0.33), prosedur operasi (Min=3.32; Sisihan Piawai=0.24), perlindungan diri (Min=3.29; Sisihan Piawai=0.32) serta pencapaian diri dan sikap (Min=3.22; Sisihan Piawai=0.31).

Jadual 1: Statistik Deskriptif Kesedaran Keselamatan

Dimensi	Bilangan Item	Min	Sisihan Piawai
Struktur Pendidikan dan Kerjasama Terhadap Keselamatan	5	3.23	0.33
Prosedur Operasi	8	3.32	0.24
Perlindungan Diri	4	3.29	0.32
Pencapaian Diri dan Sikap	11	3.22	0.31
KESELURUHAN TAHAP = TINGGI	28	3.27	0.21

Perbincangan

Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti tahap kesedaran keselamatan pekerja di Kilang X berdasarkan instrumen *Safety Awareness Scale* (SAS) yang direka oleh Ai Shuhara *et al.* (2011) dan diadaptasi dari Durishah *et al.* (2004). Pengukuran tahap kesedaran keselamatan pekerja berdasarkan instrumen yang digunakan dalam kajian ini mempunyai empat dimensi utama iaitu struktur pendidikan dan kerjasama terhadap keselamatan, prosedur operasi, perlindungan diri serta pencapaian diri dan sikap. Secara keseluruhannya, berdasarkan hasil dapatan kajian yang dijalankan, didapati bahawa tahap kesedaran keselamatan pekerja di Kilang X adalah berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menjelaskan bahawa organisasi Kilang X telah menjalankan satu usaha dan langkah-langkah yang terbaik dalam mewujudkan dan menimbulkan kesedaran dalam kalangan pekerja akan kepentingan aspek keselamatan di tempat kerja.

Di samping itu, hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa setiap dimensi yang terdapat dalam kesedaran keselamatan juga berada pada tahap yang tinggi. Tahap kesedaran keselamatan pekerja yang tinggi ini ditunjukkan melalui dimensi seperti struktur pendidikan dan kerjasama terhadap keselamatan, prosedur operasi, perlindungan diri serta pencapaian diri dan sikap. Dapatan kajian yang diperolehi daripada dimensi struktur pendidikan dan kerjasama terhadap keselamatan menunjukkan tahap min yang tinggi dalam kalangan pekerja adalah berdasarkan usaha dan komitmen pihak pengurusan Kilang X dalam mengamalkan dan mementingkan aspek keselamatan di tempat kerja. Ini menjelaskan bahawa pihak pengurusan Kilang X telah menyediakan ruang, latihan peluang bagi pekerja membincangkan tentang segala permasalahan pekerja khususnya berkaitan hal-hal keselamatan di tempat kerja. Dapatan kajian ini juga menyokong hasil kajian yang dijalankan oleh Hu *et al.* (1998) bahawa latihan keselamatan yang mencukupi memainkan peranan penting dalam mewujudkan kesedaran keselamatan dalam kalangan pekerja.

Selain itu, dimensi seperti prosedur operasi juga dapat memberi kesan kepada peningkatan tahap kesedaran keselamatan pekerja di Kilang X. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, mendapati pekerja-pekerja di Kilang X faham dan mengetahui setiap peraturan keselamatan yang terdapat di tempat kerja mereka. Selain itu, hasil kajian menunjukkan kebanyakan pekerja di Kilang X faham dan jelas akan prosedur sesuatu operasi dan kerja di kilang mereka. Pernyataan ini disokong oleh Ngatinah (2003) yang menjelaskan akan kepentingan buku panduan pekerja sebagai garis panduan dan bimbingan kepada pekerja dalam menjalankan tugas di tempat kerja. Seterusnya, dimensi seperti perlindungan diri juga turut menyumbang kepada tahap kesedaran keselamatan seseorang pekerja dalam sesebuah organisasi. Berdasarkan dapatan kajian, pekerja-pekerja di Kilang X peka akan kepentingan dan keperluan segala alatan atau perkakas yang wajib digunakan bagi melindungi keselamatan diri sewaktu menjalankan tugas atau kerja di tempat kerja. Bagi dimensi pencapaian diri dan sikap, dapatan kajian menunjukkan tahap pencapaian diri dan sikap pekerja di Kilang X adalah beradap pada tahap yang tinggi dan boleh dibanggakan. Dapatan

kajian ini turut menyokong kajian yang dijalankan oleh (Zhao *et al.*, 2009) di sektor pembinaan yang mana menjelaskan bahawa pencapaian diri pekerja dan sikap adalah merupakan satu petunjuk atau kualiti yang mewakili diri kesedaran keselamatan seseorang pekerja di tempat kerja.

Kesimpulan

Kesedaran keselamatan merupakan satu elemen penting yang perlu dipupuk dalam diri setiap pekerja bagi mencegah berlakunya kemalangan di tempat kerja. Pihak majikan perlulah memainkan peranan yang penting dan berterusan dalam menjaga aspek keselamatan di tempat kerja. Bukan sahaja majikan, tetapi pekerja juga perlulah bertindakbalas sewajarnya terhadap segala usaha yang dijalankan oleh pihak majikan dalam memantapkan aspek keselamatan di tempat kerja. Interaksi sebeginilah yang akan menguatkan lagi sesebuah organisasi dalam melaksanakan pelbagai usaha dan pendekatan demi memelihara aspek keselamatan di tempat kerja.

Limitasi Kajian

Walaupun objektif kajian telah tercapai, namun masih terdapat beberapa batasan kajian yang perlu diberi perhatian oleh pengkaji akan datang. Sebagaimana kajian-kajian lepas yang telah dijalankan, pengkaji juga berdepan dengan faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi jawapan-jawapan yang telah diberi oleh responden. Ini kerana kajian ini melibatkan sampel manusia sebagai responden yang terdedah kepada emosi, kekecewaan, tekanan persekitaran dan juga komitmen peribadi yang sukar dikawal oleh pengkaji. Selain itu kaedah kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini tidak menerangkan secara keseluruhan berkaitan dengan emosi, perasaan, reaksi serta pandangan daripada responden semasa menjawab borang soal selidik ini. Batasan dalam kajian ini juga melibatkan populasi yang tidak berpelbagai. Populasi kajian ini hanyalah menggambarkan maklumbalas pekerja di Bahagian Percantuman di Kilang X sahaja dan ianya tidak sesuai untuk digeneralisasikan bagi keseluruhan pekerja di Kilang X mahupun kilang dalam industri automotif yang lain.

Rujukan

- Abba, K., Clarke, S. dan Cousins, R. (2004). Assessment of The Potential Effects of Population Changes In Attitudes, Awareness and Belief On Self-Reporting of occupational Ill-Health. *Occupational Medicine*. 54(4), 238-244.
- Ai Shuhara, Hitosgi Yamamoto dan Yoshito Oshima (2011). Factor Analysis On Safety Awareness in University Research Laboratories In Japan. *Safety Science Monitor*. 15(3), 1-10.
- AKKP (Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) (1994). *Undang-Undang Malaysia*. Malaysia: International Law Book Services.
- Chang, Y.H. dan Liao, M.Y. (2010). Comparison of Cabin Safety Awareness among Airline Passengers in Taiwan and Mandland China. *Transportational Journal*. 48-62.

- Cummings, T.G. dan Worley, C.G. (2008). *Organization Development and Change*. International Student Edition.
- Durrishah Idrus, Hadmidah Ab. Rahman, Hapriza Ashari, Fadilah Zaini, Rossilah Jamil dan Sharizatul Noorizwan Muktar (2004). *Level of Awareness of UTM Staff On Occupational Safety and Healthy At The Work Place*. FPPSM, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Garza, I.E. (2009). *Increasing Safety Awareness in the Workplace: Measuring The Emotional, Cognitive and Rhetorical Effectiveness of Informational Illustrations Used In Safety Documents*. University of Houston-Downtown.
- Gerrard, M., Gibbons, F.X., Bergan, M.R. dan Russel, D.W. (2000). Self-Esteem, Self-Serving Cognition and Health Risk Behavior. *Journal of Personality*. 68(6), 1177-1201.
- Helmi Hj Haron (2008). *Perlaksanaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (1994) di Institiut Latihan Awam*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hu, S.C., Lee, C.C., Shiao, J.S.C. dan Guo, Y.L. (1998). Employers' Awareness and Compliance with Occupational Health and Safety Regulations in Taiwan. *Occupational Medicine*. 48(1), 17-22.
- Hwang, S.A., Gomez, M.I., Stark, A.D., John, T.L.S., Pantea, C.I., Hallman, E.M., May, J.J., dan Scofield, S.M. (2000). Safety Awareness Among New York Farmers. *American Journal of Industrial Medicine*. 38, 71-81. Providing Coverage in Times of Crisis and Beyond. Geneva.
- ILO (International Labour Office) (2010). World Social Security Report 2010/2011 :
- Mardziah Kamarudin (2002). Tinjauan Terhadap Tahap Kesedaran Keselamatan Pekerja Binaan dan Kontraktor Menurut Persepsi Pelajar Semester V dan VI Diploma Kejuruteraan Awam di Politeknik Ungku Omar, Ipoh yang Menjalani Latihan Industri di Tapak Bina. *Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn*.
- Neal, A., Griffin, M.A. dan Hart, P.M. (2000). The Impact of Organizational Climate On Safety Climate and Individual Behavior. *Safety Science*. 34, 99-109.
- Ngatinah Jaswadi (2003). Menyediakan Buku Panduan Keselamatan di Makmal Teknologi Perpaipan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan KUITTHO. *Kolej Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*.
- Oztas, F. (2010). Self-Esteem, Occupational Self-Esteem and Epistemological Beliefs of Turkish University Students. *Social Behavior and Personality*. Society of Personality Research. 38(3), 321-326.

- Sipos, A., Balmer, R. dan Tattan, T. (2003). Better Safe Than Sorry: A Survey of Safety Awareness and Safety Provisions in the Workplace among Specialist Registrars in the South West. *Psychiatric Bulletin*. 27, 354-357
- Ting Ing Loke (2005). *Kesedaran Terhadap Keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di PSZ (Aspek Kesihatan)*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tvaryanas, A.P. dan Thompson, W.T. (2008). Recurrent Error Pathways in HFACS Data: Analysis of 95 Mishaps With Remotely Piloted Aircraft. *Aviation, Space and environment Medicine*. 79(5), 525-532.
- Yanti Ibrahim (2005). *Keselamatan di Tapak Bina-Keberkesanan Penggunaan 'Kad Hijau CIDB' Dalam Industri Pembinaan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zhao, D., Lucas, J. dan Thabet, W. (2009). Using Virtual Environments to Support Electrical Safety Awareness in Construction. *Winter Simulation Conference*. 2679-2690.